



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

MET MALAYSIA LANCAR MODEL CMAQ - TINGKAT KESIAPSIAGAAN NEGARA TERHADAP PENCEMARAN UDARA DAN JEREBU

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) mengukuhkan peranannya sebagai benteng hadapan pengurusan bencana negara menerusi pelancaran sistem Model Air Quality Monitoring – Community Multiscale Air Quality (CMAQ) sempena sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2026, hari ini.

Sambutan tahun ini membawa makna signifikan memandangkan 2026 menandakan ulang tahun ke-68 keahlian Malaysia dalam Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO). Sebagai salah satu daripada 193 negara anggota, Malaysia terus komited menukar data saintifik kepada tindakan praktikal di bawah Dasar Pengurangan Risiko Bencana (DRR) Kebangsaan.

Inovasi Ramalan Kualiti Udara Terkini menerusi Sistem CMAQ merupakan projek kerjasama strategik antara METMalaysia dan Institut Perubahan Iklim (IPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12). Inisiatif nasional ini bertujuan untuk menganalisis sumber pencemaran udara dan jerebu secara pantas dan tepat di samping mengeluarkan amaran awal yang komprehensif dalam membantu agensi-agensi berkaitan dalam mempercepatkan proses membuat keputusan demi melindungi kesihatan awam dan kesejahteraan rakyat

MET Malaysia memberikan komitmen penuh dan sentiasa terbuka untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan mana-mana institusi atau institusi pendidikan tinggi (IPT) bagi memperkasakan kepakaran teknikal serta inovasi teknologi yang menyokong agenda kelestarian alam sekitar negara. Pembangunan sistem CMAQ ini membuktikan bahawa integrasi antara sains meteorologi dan kepakaran akademik mampu menghasilkan solusi nyata dalam mendepani cabaran perubahan iklim yang semakin kompleks.

DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
31 MAC 2026

